

01 APR 2004
SABAH-KKIP
KKIP SABAH TARIK PELABUR ASING

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 1 April (Bernama) -- Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP), sebuah kawasan perbandaran perindustrian yang dapat menampung keperluan sendiri seluas 3,670 hektar di sini tidak sahaja menarik syarikat-syarikat tempatan tetapi juga pelabur dari luar negara.

Ketua pegawai eksekutif K.K.I.P Sdn Bhd Chong Hon Len berkata sehingga ini, sembilan buah syarikat dengan penyertaan asing telah membina atau sedang dalam proses mewujudkan operasi di taman di Sepanggar itu, dekat ibu negeri Sabah ini.

Usahasama syarikat-syarikat tempatan-asing itu mempunyai pelaburan terkumpul bernilai RM87.6 juta, katanya kepada Bernama.

"Para pelabur dari Singapura, Taiwan, Brunei, Korea dan Australia itu terbabit di dalam pelbagai bidang seperti perabot, elektrik serta pembuatan barangan rumah, katanya.

Kesemua sembilan buah syarikat itu ialah Inspiration Furniture Sdn Bhd, Borneo Premier Sdn Bhd, Cocos Noni Borneo Sdn Bhd, Quickwall Sdn Bhd, STM Industries Sdn Bhd, Gesen Packing Sdn Bhd, Rightway Furniture Sdn Bhd, Pristine Award Sdn Bhd dan Powerela Sdn Bhd.

"Kesemua industri itu membantu mengurangkan perbelanjaan pertukaran asing kita dan menghasilkan peluang pekerjaan serta kekayaan kepada rakyat," katanya.

Chong berkata sehingga ini, sebanyak 60 kilang telah dibina dan beroperasi di KKIP, dengan menyediakan 2,000 pekerjaan.

KKIP dilancarkan 10 tahun lepas oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan memacu wasan negeri ini ke arah perindustrian.

-- BERNAMA
JS FR AHM